

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SKP 105 - Pemikiran Kritis

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan.

SOALAN 1

Petikan

Oleh itu, jika kita buang dari pakatan sosial ini apa-apa yang tidak dianggap sebagai intisarinya, kita dapati bahawa sifatnya berkurangan hingga tinggal syarat-syarat yang berikut:

Setiap orang antara kita meletakkan diri dan semua kuasa dirinya secara bersama di bawah arahan tertinggi kehendak umum; dan kita sebagai sebuah badan menerima setiap anggota sebagai satu bahagian yang tidak boleh dipisahkan daripada badan ini.

Seterusnya, sebagai ganti kepada individu bagi setiap sekutu pakatan itu tindakan kesatuan ini menghasilkan satu badan moral yang kolektif yang terdiri daripada sebanyak mana anggota begitu-lah juga banyaknya undi di dalam dewan rakyat dan dari tindakan ini perpaduan diperolehi, begitu juga identiti yang sama, hayatnya dan kehendaknya. Individu yang umum ini yang dibentuk sebegitu rupa oleh kesatuan semua individu lain yang terdahulu daripada ini menggunakan nama Negara kota,\* dan sekarang menggunakan nama Republik atau badan politik; ia dinamakan oleh anggotanya Negara pada waktu ia pasif, Pemerintah apabila aktif dan Kuasa apabila dibandingkan dengan sama dengannya. Berkenaan dengan para sekutu pula, mereka dinamakan Rakyat secara kolektif dan disebut warganegara secara perseorangan sebagai peserta dalam autoriti berdaulat tadi, dan subjek selagi mereka tertakluk di bawah undang-undang Negara. Akan tetapi istilah-istilah ini selalunya dikelirukan dan digunakan sebagai ganti kepada satu sama lain; cukuplah sekadar kita memahami perbezaan di antaranya kalau digunakan dengan setepat yang mungkin.

Soalan

- [a] Dengan menggunakan syarat-syarat pakatan sosial yang dinyatakan di dalam petikan di atas sebagai contoh, bincangkan maksud definisi esensialis.
- [b] Huraikan strategi pembalikan dalam pemikiran lateral dengan menggunakan pernyataan berikut sebagai contoh:
- "Tindakan kesatuan ini menghasilkan satu badan moral yang kolektif".

(100 Markah)

SOALAN 2

Petikan

Dengan itu, mengikut pendapat Grotius, adalah meragukan sama ada bangsa manusia ini dimiliki oleh seratus orang atau seratus orang ini adalah kepunyaan bangsa manusia; dan juga, dalam seluruh isi bukunya beliau seolah-olah lebih cenderung kepada pendapat yang pertama; begitu juga pendapat Hobbes. Dengan yang demikian seolah-olah jenis manusia ini terbahagi kepada beberapa kumpulan lembu yang tiap-tiap satunya mempunyai seorang gembala yang menjaga kumpulan tersebut dengan tujuan memakannya.

Seperti seorang gembala, sifat-sifatnya lebih tinggi berbanding dengan kumpulan ternakannya; demikian juga gembala manusia iaitu ketua-ketua mereka mempunyai sifat-sifat yang lebih tinggi berbanding dengan rakyat. Begitulah yang difikirkan oleh Maharaja Caligula mengikut kata Philon yang membuat kesimpulan yang agak jelas dari analogi ini bahawa raja-raja itu dewa, atau rakyat itu haiwan.

Soalan

- [a] Terdapat analogi di dalam petikan di atas. Bincangkan ciri-ciri strategi analogi dalam pemikiran lateral dengan mengambil analogi tersebut sebagai contoh.
- [b] "Dengan yang demikian seolah-olah jenis manusia ini terbahagi kepada beberapa kumpulan lembu yang tiap-tiap satunya mempunyai seorang gembala yang menjaga kumpulan tersebut dengan tujuan memakannya."

Pecahkan ayah majmuk di atas kepada ayat-ayat mudah dan bentuk hujah silogisme yang berkaedah betul.

(100 Markah)

SOALAN 3

Petikan

Jika seorang individu, kata Grotius, boleh menyerahkan kebebasannya dan menghambakan dirinya kepada seorang tuan, mengapa tidak penduduk sesebuah negeri menyerahkan kebebasan mereka dan menjadi rakyat kepada seorang raja? Di sini terdapat banyak perkataan yang agak kabur yang perlu dijelaskan satu persatu; setakat ini kita jelaskan perkataan "menyerahkan" sahaja dahulu. Menyerahkan bermakna memberi atau menjual. Maka seorang manusia yang menjadi hamba kepada seorang yang lain tidak menyerahkan dirinya tetapi menjual dirinya, sekurang-kurang untuk memperoleh keperluan hidupnya: akan tetapi, mengapa pula rakyat menjualkan diri mereka? Seorang raja jauh sekali hendak memberikan keperluan hidup kepada rakyatnya, sebaliknya beliau akan mengambil keperluannya daripada mereka; dan juga mengikut kata Rabelais, seorang raja tidak akan hidup tanpa sesuatu. Tidakkah rakyat menyerahkan diri mereka dengan syarat harta benda mereka juga diambil oleh raja? Saya tidak dapat melihat apakah yang tinggal lagi bagi mereka untuk dikekalkan.

Soalan

- [a] Oleh sebab hujah induktif lemah, ianya dinyatakan dalam bentuk hujah pernyataan syarat. Beri contoh daripada petikan di atas dan terangkan kenapa hujah induktif lemah.
  
- [b] Bincangkan strategi pemecahan dalam pemikiran lateral dengan menggunakan ayat berikut sebagai contoh:  
  
"Seorang raja jauh sekali hendak memberi keperluan hidup kepada rakyatnya, sebaliknya beliau akan mengambil keperluannya daripada mereka."

(100 Markah)

SOALAN 4

Petikan

Sebenarnya, tiap-tiap individu sebagai seorang manusia mungkin mempunyai satu kehendak yang peribadi yang bertentangan atau berlainan dengan kehendak umum yang dimilikinya sebagai seorang warganegara. Minatnya yang peribadi mungkin berbeza dengan minat bersama; kewujudannya yang mutlak dan bebas secara semula jadi itu mungkin membuatnya berfikir tentang apakah yang sepatut dilakukannya untuk mencapai matlamat bersama sebagai sumbangan ikhlasnya, yang kegagalannya tidaklah begitu merugikan bagi orang lain jika dibandingkan dengan sumbangan yang membebaskan dirinya. Oleh sebab dia memandang Negara sebagai satu kewujudan sah iaitu sebagai insan berakal kerana ia bukan manusia dia akan menikmati hak-hak warganegara tanpa bersedia untuk memenuhi kewajibannya sebagai seorang rakyat. Ketidakadilan ini jika berterusan akan menyebabkan keruntuhan badan politik.

Jadi, supaya pakatan sosial ini tidak menjadi satu formula yang kosong, secara diam-diam ia mengandungi perjanjian yang dengan sendirinya boleh memberikan tenaga kepada yang lain-lainnya, dan sesiapa yang tidak mahu mematuhi kehendak umum terpaksa turut atas desakan seluruh anggota badan. Ini bermakna hanya orang ini yang terpaksa menjadi bebas; kerana inilah syarat yang menjadikan setiap warganegara berbakti kepada negaranya sementara melindunginya daripada semua pergantungan peribadi; syarat yang merupakan alat serta permainan susunan politik dan dengan sendirinya mengesahkan segala perjanjian sivil; yang tanpa semuanya ini akan menjadi mustahil, zalim serta terdedah kepada segala penyalahgunaan kuasa yang menggerunkan.

Soalan

Dengan mengambil contoh-contoh daripada petikan di atas, bincangkan perbezaan di antara pemikiran menegak dan pemikiran sisi.

(100 Markah)

SOALAN 5

Petikan

Biarpun saya membenarkan segala-galanya yang saya nafikan setakat ini, pejuang-pejuang despotime tidak akan maju lebih jauh. Sudah tentunya akan wujud perbezaan yang besar antara menindas sekumpulan rakyat yang memberontak dengan memerintah sebuah masyarakat. Jika individu yang bertaburan telah diperhambakan satu demi satu oleh seorang manusia, sungguhpun ramai bilangannya, saya tidak melihatnya sebagai tidak lebih daripada seorang tuan dengan hamba-hambanya dan tidak sebagai rakyat dengan pemimpinnya; inilah apa yang boleh dikatakan satu pengelompokan dan bukannya persatuan; bukannya kebaikan umum, tidak juga badan politik. Orang tersebut walaupun dia telah memperhambakan separuh dunia, dia masih merupakan seorang individu sahaja; minatnya terpisah daripada minat orang lain, selalunya merupakan minat persendirian sahaja. Sekiranya orang ini mati, empayarnya akan tinggal bertaburan tanpa perpaduan, seperti pokok yang telah dimakan api lenyap menjadi setimbun abu.

Soalan

Di dalam petikan di atas terdapat hujah yang menyokong perhambaan sebagai prinsip yang menyesahkan kuasa dan juga hujah yang menolak dakwaan tersebut. Nyatakan hujah-hujah tersebut (yang menyokong dan yang menolak). Pada pendapat anda, hujah manakah yang lebih kuat. Sila beri alasan untuk menyokong pendapat anda.

(100 Markah)